

BAB 2

LAO SHE : LATAR BELAKANG DAN PENULISAN

Kehidupan merupakan ilham bagi segala karya sastera. Pengalaman yang dialami oleh seseorang penulis secara sedar atau tidak akan mempengaruhi pemikiran dan perasaan dan seterusnya mempengaruhi pemilihan tema, gaya serta matlamat berkarya penulisan beliau. Oleh yang demikian, meneliti latar belakang seseorang penulis dahulu sebelum karyanya dikaji adalah bermanfaat. Bab ini akan meninjau biografi Lao She dari segi latar belakang keluarga dan pengalaman yang dialami semasa beliau bekerja dan berada di luar negeri. Di samping itu, penulisan Lao She juga diperkenalkan secara keseluruhan. Bahagian terakhir bab ini berfokus pada keperibadian Lao She yang banyak mempengaruhi penulisan beliau.

2.1 Latar Belakang

Lao She sebenarnya ialah nama pena bagi Shu Qingchun 舒庆春¹.

¹Dalam bahasa Cina, *qingchun* bermakna “merayakan kedatangan musim bunga”. Lao She dilahirkan sebelum Tahun Baru Cina. Kaum Cina biasanya menyembah Dewa Dapur pada hari ini. Pada keesokan hari, selepas kelahiran beliau adalah hari permulaan musim bunga. Oleh itu, ayahnya telah menamakannya Qingchun.

Beliau juga digelar sebagai Shu Sheyu 舒舍予. Walau bagaimanapun, kedua-dua nama ini telah hampir dilupai oleh orang ramai. Beliau lebih dikenali sebagai Lao She.

Lao She telah dilahirkan pada 3 Februari, 1899. Beliau merupakan anak bongsu kepada Shu Yongshou 舒永寿 dan Puan Ma 马氏 yang berasal dari puak Manchu. Ibu bapa beliau telah melahirkan tujuh orang anak. Namun hanya empat orang anak yang hidup, iaitu Lao She, seorang anak lelaki dan dua orang anak perempuan lagi. Shu Yongshou bekerja sebagai seorang askar istana Dinasti Qing 清朝, pendapatan beliau sangat sedikit. Beliau telah terkorban pada tahun 1900 dalam pertempuran untuk mempertahankan istana semasa serangan Angkatan Tentera Gabungan Lapan Negeri 八国联军² ke Beijing. Pada ketika itu, Lao She hanya berusia satu setengah tahun. Tentera gabungan yang berjaya menakluki Beijing ini merampas harta benda rakyat, membakar rumah mereka serta membunuh penduduk Beijing. Keluarga Lao She juga dirompak, tetapi Lao She dapat melepaskan diri daripada pembunuhan kerana tertidur lena di bawah dua kotak kayu yang besar. Ibu Lao She, Puan Ma selalu menceritakan peristiwa

² Angkatan Tentera Gabungan Lapan Negeri ini terdiri daripada angkatan tentera negara German, Jepun, Rusia, England, Amerika Syarikat, Perancis, Austria dan Itali. Gabungan tentera ini bertujuan untuk membasmi aktiviti-aktiviti kumpulan Yihe 义和团. Kumpulan Yihe dibentuk oleh rakyat negara China pada keakhiran zaman Qing untuk menentang kuasa imperialis. Gabungan ini pernah menakluki Beijing.

itu kepada beliau sehinggakan meninggalkan satu kesan yang mendalam dalam sanubarinya.

Puan Ma adalah seorang wanita yang gigih, baik hati dan tabah. Beliau amat bersimpati kepada orang yang dalam kesusahan dan selalu membantu mereka. Sejak kematian suami, Puan Ma menyara sekeluarga dengan menjahit baju dan menjadi orang suruhan di sebuah sekolah. Puan Ma bekerja dengan keras sesuntuk hari untuk melindungi anak-anaknya daripada kelaparan dan kesejukan. Keperibadian Puan Ma serta sikapnya terhadap hidup yang sukar banyak mempengaruhi Lao She kemudian harinya. Lao She pernah berkata “guru saya dalam erti kata yang sebenar ialah ibu saya. Beliau telah membekalkan saya dengan pendidikan tentang kehidupan dan beliaulah membentuk peribadi saya.” (Hu 1981: 79)

(a) Alam Persekolahan

Lao She dibesarkan di sebuah *da za yuan* di Beijing. Keadaan di *da za yuan* itu tidak memuaskan, tanahnya tidak rata, lorongnya sempit dan kotor. Penduduknya termasuk keluarga Lao She hidup dalam keadaan miskin. Keluarga Lao She begitu miskin sekali sehinggakan beliau hampir kehilangan peluang belajar, tetapi Lao She bertuah dalam mendapat bantuan daripada seorang

dermawan Liu Shoujing 刘寿锦 yang telah menghantar Lao She ke *sishu* 私塾³ (sekolah swasta) dan membiayai semua yuran persekolahan. Lao She merupakan satu-satunya anggota keluarga yang mendapat pendidikan. Beliau berada di sekolah tersebut selama tiga tahun dan bertukar ke sebuah sekolah rendah kerajaan di Beijing ketika beliau berumur sebelas tahun dan terus memasuki tahun ketiga. Selepas tiga tahun kemudian, beliau bertukar lagi ke sekolah rendah yang lain dan belajar di sana selama satu tahun sehingga beliau tamat pelajaran sekolah rendah. Lao She adalah pelajar yang pintar dan rajin berusaha, justeru itu beliau sentiasa mendapat keputusan yang baik dalam pelajaran.

Menurut rakan sedarjah Lao She, Luo Changpei 罗常培, Lao She selalu pergi ke kedai teh bersama-sama dengan rakan-rakan yang lain untuk menyaksikan cerita penglipur lara dan mendengar *jingju* 京剧 (opera Beijing) sejak kecil lagi. Pengalaman ini mengasuh dan mendedahkan Lao She kepada kesenian terutama sekali drama. Luo Changpei juga menceritakan bahawa Lao She adalah seorang yang jujur kepada dirinya sendiri, beliau tidak suka berpura-pura tetapi selalu bertindak mengikut rasa hati, beliau juga seorang yang sentiasa merendahkan diri, tidak suka menunjuk-nunjukkan kepintaran diri. Di samping itu, beliau juga gigih dan tabah. Pernah sekali Lao She dipukul oleh guru, beliau

³ Sekolah swasta ini biasanya dianjurkan oleh seseorang guru, sesebuah keluarga atau oleh puak-puak tertentu. Sekolah ini hanya mempunyai seorang guru dan tidak mempunyai sukatan yang tertentu.

tetap tidak menangis atau meminta ampun biarpun dipukul sehingga rotan guru itu patah. (Hu 1981: 276) Kegigihan dan ketabahan ini memang mempengaruhi pembentukan watak-watak drama beliau.

Pada tahun 1912, Lao She tamat pelajaran sekolah rendah dan berjaya memasuki Sekolah Menengah Ketiga di Beijing 北京第三中学. Selepas setengah tahun belajar, beliau terpaksa berhenti sekolah disebabkan masalah kesuntukan kewangan, dan terpaksa memohon masuk ke kolej perguruan di Beijing yang membekalkan tempat penginapan dan makanan percuma.

Menurut Luo Changpei lagi, Lao She mulai menunjukkan bakat beliau di kolej perguruan. Beliau selalu memberi ceramah dan telah memenangi hampir kesemua pertandingan perbahasan yang disertainya. Kebolehan beliau dalam bidang sastera, sains dan bidang-bidang yang lain telah menarik perhatian ramai dan menjadi pelajar yang paling digemari oleh pengetua kolej. Di kolej perguruan, beliau juga berpeluang dalam mempelajari kesusasteran Cina klasik secara sistematik dan mendapat peluang dalam mengikuti sistem pendidikan moden.

Pada musim panas tahun 1918, Lao She yang berumur sembilan belas tahun, tamat pendidikan di kolej perguruan. Disebabkan keputusan beliau yang

cemerlang, beliau dihantar ke sebuah sekolah rendah di Beijing untuk menjadi guru besar dan mula menjejak langkah beliau dalam alam pekerjaan.

(b) Alam Pekerjaan

Pada tahun 1918, Lao She memulakan pekerjaan beliau yang pertama dengan menyandang jawatan guru besar di Sekolah Rendah Kerajaan Lorong Fang Jia Ketujuh Belas, Beijing 方家胡同京师公立第十七高等小学. Di sekolah itu, beliau benar-benar menunjukkan kebolehan dan kekuatan beliau.

Pada tahun 1919, tercetusnya Gerakan Mei 4. Lao She tidak terlibat secara langsung dalam pergerakan tersebut. Gerakan itu telah membuka mata Lao She dan mengubah perspektif beliau. Lao She menjadi lebih kritis dan pandangan beliau juga berbeza daripada dahulu. Beliau mula menyedari kepentingan maruah manusia. Beliau juga sedar bahawa manusia tidak seharusnya mengabdikan diri kepada adat tradisional. Perspektif yang baru ini kemudiannya telah menjadi asas bagi penulisan beliau. Lao She pernah berkata : “Jika bukan Gerakan Mei 4, saya tidak mungkin menjadi pengarang. Gerakan ini telah menjadi perangsang saya untuk mengarang.” (Hu 1981: 86)

Sejak itu, Lao She mula menulis novel dalam *baihuawen* 白话文 (bahasa vernakular) yang diperjuangkan dalam Gerakan Mei 4 secara rasmi dan mengabaikan *wenyanwen*⁴ 文言文 (bahasa klasik). Beliau pernah berkata,

keghairahan terhadap pembebasan bahasa telah memerangsang saya dan juga berjuta-juta belia lagi menghabiskan dakwat dan kertas untuk menulis dengan lebih giat dan bersungguh-sungguh. (Zeng, Wu 1985: 627)

Lao She banyak menerima tempias Gerakan Mei 4. Gerakan ini membekalkan beliau dengan semangat yang gigih untuk menceburkan diri dalam bidang penulisan.

Pada September 1920, Lao She dinaikkan pangkat lalu menyandang jawatan sebagai nazir di Jabatan Pendidikan di daerah utara Beijing. Sebagai seorang nazir, beliau menjalankan penyeliaan di sekolah-sekolah dengan semangat yang gigih. Beliau telah menyampaikan hasrat kepada pihak yang berkenaan untuk melakukan perubahan dan mencadangkan supaya amalan buruk di sekolah tradisional dihapuskan dan usaha meningkatkan kualiti sekolah

⁴ Bahasa klasik ialah bahasa penulisan rasmi negara China sebelum Gerakan Mei 4. Bahasa klasik bukan sahaja rumit tetapi jauh berbeza daripada bahasa pertuturan rakyat. Bahasa Cina moden tidak begitu digalakkan dan bukan bahasa penggunaan akademik sebelum Gerakan Mei 4.

ditingkatkan. Beliau menyiasat dan mendenda saudagar yang merosakkan sistem pendidikan dengan amalan perniagaan yang tidak jujur. Beliau juga mengendalikan seminar untuk guru-guru sekolah rendah swasta atas usahanya sendiri. Namun, sikapnya yang tegas dalam melaksanakan tugas dan tanpa mengendahkan hubungan persahabatan telah membangkitkan kemarahan pihak berkuasa tempatan. Mereka memaksa Lao She membuat pilihan sama ada meletakkan jawatan atau bersubahat dengan mereka. Pada Ogos, 1922, Lao She mengambil keputusan untuk meletakkan jawatannya sebagai nazir kerana enggan bersubahat dengan pihak yang melakukan ketidakjujuran.

Sebelum meletak jawatan, iaitu pada 1921, atas perasaan ketidak-puasan terhadap golongan yang tidak mementingkan pendidikan, beliau telah membantu Liu Shoujing membuka sekolah untuk kanak-kanak miskin. Pada ketika itu, Lao She berumur dua puluh tiga tahun. Beliau jatuh cinta pada anak perempuan Liu Shoujing yang mengajar di sekolah tersebut. Walau bagaimanapun, percintaan mereka tidak berjaya kerana status sosial mereka yang amat berbeza. Percintaan yang tidak berjaya ini memberi kesan yang mendalam kepada Lao She terutama dalam pembentukan watak beliau pada kemudian harinya.

Walaupun Lao She membantu Liu Shoujing dalam pembukaan sekolah untuk golongan miskin, beliau tidak menyanggah sebarang jawatan di sekolah itu. Setelah beliau meletak jawatan sebagai nazir pendidikan, beliau meninggalkan Beijing lalu menerima tawaran sebagai guru bahasa di Sekolah Menengah Nankai 南开中学 di Tianjing. Di sekolah ini, Lao She menyertai sebuah badan penerbitan dan dilantik sebagai salah seorang ahli jawatankuasa bagi badan tersebut. Melalui badan ini, karya beliau buat kali pertamanya disiarkan dan cerpen beliau yang pertama yang disiarkan ialah *Xiao Linger* 小玲儿 (Xiao Linger).

Pada Februari 1923, Lao She meletak jawatan di Sekolah Menengah Nankai dan kembali ke Beijing untuk memegang jawatan sebagai setiausaha Persatuan Pendidikan Beijing yang dipengerusikan oleh Gu Mengyu 顾孟余. Beliau juga menjadi guru sambilan bahasa Cina di Sekolah Pertama Beijing. Walaupun beliau menyanggah dua jawatan, pendapatan beliau tetap terlalu sedikit. Kesempitan ekonomi telah mengakibatkan beliau hidup dalam kesusahan. Dalam keadaan yang terdesak ini, beliau tetap tidak melepaskan sebarang peluang belajar. Selepas waktu kerja, beliau belajar bahasa Inggeris daripada pastor Bao Guanglin 宝广林 di Gereja Kristian. Di sinilah Lao She dibaptis dan diperkenalkan kepada profesor Evans yang mengajar di Universiti

Yanjing 燕京大学, Beijing. Sejak itu, Lao She menjadi penuntut sambilan kursus bahasa Inggeris di Universiti tersebut.

Lao She menunjukkan prestasi yang cemerlang dalam kelas bahasa Inggeris dan oleh itu dicalonkan oleh Profesor Evans untuk menjadi guru bahasa Cina di Universiti London, England. Pengalaman ini membuka helaian baru dalam kehidupannya.

(c) Pengalaman di England

Di England Lao She bertemu dengan Xu Disan 许地山, seorang pengarang negeri Cina yang terkenal. Mereka pernah tinggal serumah dan menjadi rakan rapat. Xu menggalakkan Lao She supaya menceburi bidang penulisan. (Song 1988: 377)

Pada tahun 1925, Lao She tinggal bersama dengan keluarga Eston, bekas pensyarah Universiti London. Dalam tempoh mereka tinggal bersama, Lao She pernah membantu Eston dalam usaha menterjemahkan sebuah karya klasik Cina berjudul *Jing Ping Mei* 金瓶梅 (Jing Ping Mei).

Di samping itu, Lao She selalu menghabiskan waktu lapang dengan membaca novel Inggeris. Ini telah mendalami pengetahuan bahasa Inggeris dan menguatkan keinginan beliau dalam berkarya. Lao She pernah berkata:

Pada masa saya membaca novel, sering kali saya tidak sedar akan apa yang sedang saya baca tetapi novel itu telah membangkitkan kenang-kenangan yang pernah saya alami. Keadaan ini telah mendorong saya untuk melukiskan gambar-gambar dalam fikiran saya dengan menggunakan perkataan. Jadi, saya mula berkarya. (Zeng, Wu 1985: 522)

Sejak itu beliau mula mengarang dan menghabiskan novel beliau pertama yang bertajuk *Lao Zhang de zhexue* 老张的哲学 (Falsafah Lao Zhang). Selepas novel ini, beliau juga berjaya menyiapkan dua buah novel lagi yang berjudul *Zhaozi yue* 赵子曰 (Percakapan Zhaozi) dan *Er ma* 二马 (Dua Encik Ma). Struktur dan gaya novel Lao She banyak dipengaruhi oleh Charles Dickens atas minat beliau terhadap karyanya.

Karya Lao She yang disiarkan di akhbar negara China sering dipuji kerana bahasanya yang moden dan fasih. Imej watak yang direka bukan sahaja hidup, tetapi juga membawa kritikan yang tajam dan kelucuan yang berunsur sinis.

Lao She tamat tempoh pengajarannya di Universiti London pada tahun 1929. Dalam perjalanannya pulang ke negara China, beliau mengambil kesempatan untuk melawat ke Perancis, German, Itali dan negeri-negeri Eropah yang lain selama tiga bulan. Beliau tiba di Singapura pada bulan Oktober tahun itu, dan terpaksa bersinggah di Singapura kerana kesempitan wang.

Di Singapura, beliau mengajar bahasa Cina di sebuah sekolah menengah Cina untuk mendapatkan wang tambang balik ke negara China. Beliau juga menulis sebuah novel baru yang berjudul *Xiaopo de shengri* 小坡的生日 (Hari Jadi Xiaopo).

(d) Kehidupan sebagai Pensyarah

Lao She tiba di Shanghai 上海 sebelum balik ke Beijing pada tahun 1930. Selama setengah tahun di Shanghai, beliau telah sanggup menyiapkan dua puluh ribu perkataan yang terakhir bagi novelnya yang bertajuk *Xiaopo de shengri*. Pada bulan Julai tahun yang sama, Lao She ditawarkan jawatan pensyarah di Universiti Qilu 齐鲁大学, Jinan 济南. Beliau menerima jawatan dan dilantik sebagai ketua Jabatan Penyelidikan Kesusasteraan Klasik Cina. Beliau mengajar pengkhususan Pengenalan Kesusasteraan, Kritikan Sastera Moden, Kaedah Penulisan Novel dan Kajian Karya Terkemuka Dunia. Dalam tempoh ini, beliau

berjaya menghabiskan dua lagi novel iaitu *Daming hu* 大明湖 (Kolam Daming) dan *Mao cheng ji* 猫城记 (Kota Kucing). Malangnya novel *Daming hu* telah hancur dalam satu kebakaran yang berlaku di kilang penerbitan akibat serangan bom negara Jepun ke atas negara China.

Karya Lao She dipenuhi unsur pesimistik kerana negara China yang menghadapi ancaman luar dan kehidupan rakyat jelata yang menderita. Dalam tempoh waktu mengajar sebagai pensyarah, Lao She berjaya menghasilkan kira-kira dua ratus buah karya. (Shu 1986b: 64) Ini termasuklah novel, cerpen, puisi serta rencana tentang pengalaman mengajar.

Pada penghujung bulan Jun 1934, Lao She meletak jawatan sebagai pensyarah di Universiti Qilu dan berhasrat untuk menjadi penulis sepenuh masa. Namun, rancangan ini terpaksa dibatalkan kerana "jika hanya menjadi penulis, pendapatan yang diperolehi tidak mencukupi untuk membeli makanan!" (Zeng dan Wu 1985: 520) Justeru itu, beliau terpaksa menerima tawaran sebagai pensyarah bahasa Cina di Universiti Kerajaan Shandong 国立山东大学 di daerah Qingdao 青岛. Beliau mengajar dalam bidang pengkhususan Pemikiran Kesusasteraan Eropah, Sejarah Kesusasteraan Negeri-negeri Asing, Kaedah Penulisan Tahap Tinggi dan sebagainya. Sebagai pensyarah dan penulis yang terkemuka, Lao She tetap tekun belajar. Beliau turut mengikuti kuliah pensyarah

bahasa Perancis, Zhao Shaohou 赵少候 dan belajar sebutan bahasa Perancis bersama-sama dengan pelajar-pelajar muda yang lain.

Pada musim panas tahun 1936, sekali lagi Lao She mengambil keputusan untuk meletak jawatan pensyarah demi menjadi penulis sepenuh masa. Beliau percaya bahawa menjadi penulis sepenuh masa membolehkannya memberikan penumpuan yang sepenuhnya dalam penulisan dan menghasilkan karya yang lebih bermutu. Seperti yang dijangka oleh beliau, selepas meletak jawatan, beliau berjaya menghasilkan novel *Luotuo Xiangzi* 骆驼祥子 (Unta Xiangzi), karya yang paling beliau puas hati. Novel *Luotuo Xiangzi* ini menggambarkan kehidupan pahit seorang penarik beca. Karya ini mendapat sambutan yang hangat dan kemudiannya telah diterjemahkan kepada dua puluh enam bahasa yang lain. (Shu 1986b: 80)

Peperangan Sino-Jepun tercetus pada Julai 1937, Lao She terpaksa berhenti menjadi penulis sepenuh masa kerana desakan hidup. Beliau menerima tawaran mengajar semula di Universiti Qilu, Jinan lalu membawa sekeluarganya balik ke Jinan. Lao She yang bersemangat patriotik selalu berfikir tentang cara mempertahankan tanah air. Pada bulan November tahun itu, Jinan berada dalam keadaan kritikal dan mungkin ditakluki oleh askar Jepun pada bila-bila masa. Hampir kesemua pelajar dan staf universiti telah meninggalkan kampus universiti

kecuali keluarga Lao She. Lao She berasa sedih, bukan disebabkan oleh kebimbangan atas kehilangan nyawa atau harta benda tetapi bimbang akan ditangkap oleh askar Jepun dan menjadi orang tawanan musuh dan dipaksa menjadi *hanjian* 汉奸 (pengkhianat bangsa). Beliau tidak ingin kehilangan maruahnyanya sebagai rakyat China. Selepas mengalami pergolakan jiwa yang serius, akhirnya Lao She mengambil keputusan untuk meninggalkan Jinan dan juga keluarganya pada 15 November 1937. Dia memulakan kehidupannya sebagai refugi.

(e) Tempoh Pelarian

Lao She pergi ke Wuhan 武汉, pusat cendekiawan berkumpul pada ketika itu. Pemergian Lao She membawa makna yang signifikan kepada dirinya dan juga kepada “kesusasteraan anti-perang”. Ini kerana pada peringkat ini, beliau bergiat dengan lebih gigih daripada masa sebelumnya. Beliau berkata, “Pen ialah modal saya . Ia juga merupakan alat saya memerangi musuh.” (Hu 1980: 431) Dalam jangka masa lapan tahun ketika peperangan berlangsung, beliau berjaya menghasilkan karya yang banyak dan berkualiti bagi membangkitkan semangat rakyat dalam peperangan. Antara banyak karya yang dihasilkan, drama merupakan genre yang paling penting. Lao She telah menghasilkan sembilan buah drama dalam tempoh ini iaitu enam buah drama atas

usaha sendiri dan tiga buah lagi atas gabungan usaha beliau dengan rakan yang lain. Kejayaan Lao She ini telah membawa beliau satu langkah lagi ke depan dalam bidang kesusasteraan.

Pada akhir tahun 1937, penulis-penulis negara China yang bersemarak dengan semangat patriotik membangkitkan usul pembentukan kesatuan sastera anti-Jepun. Perancangan dilaksanakan dengan segera, pada 27 March 1938 Persatuan Kesusasteraan Anti-Jepun Kebangsaan Negara China ditubuhkan di Dewan Kelab Peniaga bandar Wuhan. Dalam mesyuarat yang pertama, Lao She telah dilantik sebagai Ketua Urus setia, jawatan yang paling penting dalam pertubuhan tersebut. Kecekapan beliau dalam menjalani tanggungjawab telah membolehkan beliau terus memegang jawatan itu selama tujuh tahun secara berterusan, sehingga tamat peperangan. Persatuan ini mempropagandakan “sastera desa” (*wenzhang xiaxiang* 文章下乡) dan “sastera tentera” (*wenzhang ruwu* 文章入伍). Bawah dasar ini, penulis-penulis digalakkan supaya mengalam kehidupan di desa dan di dalam angkatan tentera. Bawah bimbingan Lao She dan kerjasama erat di kalangan ahlinya, persatuan kesusasteraan ini telah banyak mengadakan aktiviti bagi membangkitkan semangat anti-Jepun dan merealisasikan matlamat kesatuan itu. Persatuan ini juga berjaya menggembelengkan tenaga penulis negara China demi menjayakan aktiviti kesusasteraan anti-Jepun.

Persatuan ini telah berjaya menerbitkan majalah persatuan yang berjudul *Kangzhan wenyi* 抗战文艺 (Sastera Anti-perang) yang telah berpendirian teguh dari awal hingga ke akhir perang dan mempunyai pengaruh yang kuat terhadap rakyat jelata pada ketika itu. Lao She bukan sahaja banyak menyumbangkan karya kepada majalah ini, beliau juga berusaha untuk mendapatkan sumbangan kewangan daripada orang ramai bagi membiayai perbelanjaan majalah yang diterbitkan.

Pada musim bunga 1939, Lao She mula menulis drama. Drama *Can wu* merupakan karya drama Lao She yang pertama. Penulisan ini dikatakan bermotif dua iaitu melatih penulिसannya dalam bentuk drama dan mewujudkan rasa anti-Jepun. (Lao She 1981: 132) Selepas itu, beberapa lagi drama telah dihasilkan dan beliau telah dikenali sebagai dramatis yang cemerlang.

Dari bulan Jun hingga ke bulan Disember 1939, Lao She, Hu Feng 胡风, Feng Zi 逢子 serta beberapa orang ahli persatuan kesusasteraan yang lain telah menyertai suatu rombongan ke medan peperangan untuk memberikan galakan kepada angkatan tentera. Dalam lawatan ini, Lao She telah berjaya melawat lapan daerah di bahagian utara negara China. Beliau juga bertemu dengan Mao Zedong 毛泽东. Lawatan ini merupakan pengalaman yang penting kepada Lao

She kerana selepas lawatan ini, beliau lebih giat lagi dalam kesusasteraan anti-Jepun. Selepas pulang dari rombongan ke medan perang, drama *Can wu* telah dipentaskan dan mendapat sambutan yang hangat. Drama itu juga telah menimbulkan minat Persatuan Patriotik Islam 回教救国协会. Mereka mengundang beliau untuk menulis sebuah drama yang bertemakan kerjasama antara umat Islam dengan kaum Cina bagi menentang serangan Jepun. Lao She telah berganding bahu dengan Song Zhidi 宋之的 untuk menghasilkan drama ini yang bertajuk *Guojia zhishang*. Drama ini telah mendapat sambutan yang baik ketika dipertunjukkan di Chungqing dan beberapa bandar besar di negara China.

Lao She menyiapkan satu drama yang berjudul *Zhang Zizhong* pada bulan Ogos 1940, dan memulakan penulisan drama yang satu lagi iaitu *Mianzi wenti*. Drama *Dadi longshe* disiapkan pada tahun 1941 tetapi drama ini tidak pernah dipentaskan.

Pada musim panas tahun 1942, Lao She menulis sebuah novel yang bertajuk *Huo zang* 火葬 (Kremasi) dan pada masa yang sama beliau juga menulis drama bertajuk *Guiqu laixi*. Drama ini bertujuan untuk mengkritik golongan yang tidak memberikan sumbangan tetapi membantah gerakan anti-Jepun. Seterusnya

pada bulan Mei tahun yang sama, beliau menulis drama yang bertajuk *Shei xian dao le Chongqing* atas undangan Persatuan Drama Pemuda 青年剧社.

Dua drama lagi di hasilkan pada tahun 1943, iaitu *Wang Laohu* dan *Taoli chunfeng*. Kedua-dua drama ini merupakan karya usaha bersama Zhao Qingge 赵清阁 dan Xiao Yiwu 肖亦五.

Keadaan peperangan semakin membimbangkan, tentera Jepun telah mara ke bahagian tengah negara China dan mendekati tempat tinggal Lao She. Rakyat di bandar Chongqing hidup dalam ketakutan dan membuat persediaan untuk melarikan diri. Lao She walaupun dalam keadaan tidak sihat, tetapi semangatnya tetap gigih, beliau membuat keputusan bahawa, “Jika tentera Jepun serang dari bahagian selatan, maka saya akan pergi ke sebelah utara, kerana di sana masih ada Sungai Jialing yang boleh menjadi tempat penamatan nyawa saya.” (Song 1988: 388) Lao She telah mengambil keputusan tidak menyerah diri walaupun nyawanya terancam. Walau bagaimanapun, penulisannya telah terganggu akibat situasi yang kacau-bilau.

Pada 16 April 1944, Lao She diraikan oleh golongan ternama pada hari jadinya yang ke-45 di Chongqing. Majlis ini juga bertujuan untuk meraikan ulang

tahun riwayat pengkaryaan Lao She yang ke-20. *Harian Xinhua* 新华日报 menyiarkan rencana pendek yang menyatakan bahawa:

Lao She adalah penulis yang harus disanjung buat selama-lamanya kerana sumbangan beliau yang signifikan terhadap sastera moden Cina dan juga usaha beliau dalam menyatupadukan penulis sastera moden.” (Shu 1986b: 106)

Keadaan semasa seolah-olah mula berubah sejak awal tahun 1945, Lao She mempeoleh anak yang keempat, anak perempuan ini diberikan nama Shu Li 舒立. Pada tahun yang sama, Jepun menyerah diri pada 14 Ogos dan menandakan tamatnya Peperangan Sino-Jepun. Dengan tamatnya Perang Sino-Jepun, Lao She mencadangkan supaya Persatuan Kesusasteraan Anti-Jepun Kebangsaan Negara China yang bertujuan untuk menentang serangan Jepun ditamatkan. Walau bagaimanapun cadangan beliau telah dibantah oleh ahli-ahli yang lain kerana persatuan tersebut telah memainkan peranan yang penting dalam peperangan dahulu. Akhirnya mereka bersetuju menukarkan nama persatuan kepada Persatuan Kesusasteraan Kebangsaan Negara China 中华全国文艺协会 dan membuang perkataan anti-Jepun.

Pada ketika itu, Lao She merancang untuk menjadi pensyarah di Universiti Shandong, tetapi beliau juga dijemput oleh Jabatan Urusetia Amerika

Syarikat untuk melawat ke Amerika Syarikat. Akhirnya Lao She menerima jemputan jabatan tersebut.

(f) Lawatan ke Amerika Syarikat

Lao She tiba di Seattle pada 20 Mac 1946, dan sampai di New York pada akhir bulan Mac melalui Washington. Dalam tempoh satu tahun di Amerika Syarikat, Lao She dijemput oleh banyak universiti untuk memberi ceramah dan juga menghadiri persidangan. Tajuk ceramah yang pernah disampaikan oleh beliau termasuklah “Zhongguo wenxue de lishi yu xianzhuang” 中国文学的历史与现状 (Sejarah Dan Keadaan Masa Kini Kesusasteraan Cina), “Zhongguo xiandai xiaoshuo 中国现代小说 (Novel Modern Cina), “Zhongguo kangzhan wenxue” 中国抗战文学 (Sastera Peperangan China), “Zhongguo zuojia zhi lu” 中国作家之路 (Perjalanan Penulis-penulis Negara China) dan beberapa tajuk yang lain lagi.

Selain daripada memberi ceramah, Lao She juga melawat beberapa bandar di Amerika Syarikat seperti Chicago, New Mexico, California dan lain-lain lagi untuk melihat dengan mata sendiri beberapa buah universiti terkemuka di Amerika Syarikat. Beliau juga sempat melawat ke Kanada atas suatu jemputan khas.

Selepas tamat tempoh satu tahun, Lao She terus berada di Amerika Syarikat untuk meneruskan penulisannya serta usahanya menjalinkan suatu persefahaman kebudayaan antara Amerika Syarikat dan negara China. Selain daripada menyiapkan beberapa novel, Lao She juga menterjemahkan novelnya sendiri termasuk *Huang huo* 惶惑 (Kekeliruan) dan *Gushu yiren* 鼓书艺人 (Penglipur lara) ke dalam bahasa Inggeris.

Lao She menghabiskan masa lapangnya di Amerika Syarikat dengan membaca. Banyak karya sastera Amerika Syarikat yang sempat dibaca olehnya termasuklah hasil karya dari aliran-aliran yang berbeza di Amerika Syarikat, Lao She lebih mengemari karya-karya aliran realistik yang ditulis oleh Faulkner. (Shu 1986b: 111)

Pada tahun 1949, Lao She menerima suatu pelawaan daripada Zhou Enlai 周恩来 supaya pulang ke negara China. Lao She terus berkemas dan menjejak langkah semula di negara China pada 9 Disember 1949.

(g) Kehidupan bawah Pemerintahan Parti Komunis

Lao She dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Jabatan Bahasa dan Kebudayaan pada tahun 1950, dan dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Jabatan Pentadbiran Kerajaan di Daerah Hubei pada 1953. Dalam satu majlis, Lao She mengumumkan bahawa beliau akan cuba mengarang berdasarkan kehendak masyarakat dan rakyat negara China.

Digalakkan oleh Zhou Enlai supaya terus mengarang demi rakyat jelata dan memperbanyakkan penulisan tentang kehidupan dan perubahan yang sedang berlaku di Beijing, Lao She bergiat dengan lebih tekun lagi. Beliau sering menekankan bahawa, “Saya adalah penduduk Beijing dan saya mencintai Beijing. Apabila saya melihat pembebasan dan kemajuan bandar dan penduduk di Beijing, saya berasa kegembiraan yang tidak terhingga.” (Ke, Li 1982: 70)

Atas semangat Lao She yang berkobar-kobar, beliau telah menghasilkan skrip drama yang bertajuk *Fang Zhenzhu* dan *Longxu gou* yang berlatar belakangkan masyarakat Beijing dengan membanding Beijing lama dan baru.

Drama *Longxu gou* yang telah dipersembahkan di Teater Kesenian Rakyat 人民艺术剧院 di Beijing pada tahun 1951 harus diberi perhatian lanjut.

Drama ini bukan sahaja mendapat sambutan yang baik dan diberi pengiktirafan oleh pelbagai golongan masyarakat, malahan juga diberi penghargaan oleh Mao Zedong. (Li 1986: 91) Lao She dianugerahi taraf “Renmin yishujia” 人民艺术家 (Seniman Rakyat Jelata), satu penghormatan yang amat tinggi bagi seorang sasterawan di negara China pada ketika itu oleh Majlis Rakyat Beijing pada 1951. Drama satu senario yang bertajuk *Shengri* merupakan karya yang penting pada peringkat ini.

Drama Lao She yang dihasilkan pada 1950an kebanyakan berkaitan dengan politik di negara China. Drama *Chun hua qiu shi* yang di tulis pada tahun 1952 bertemakan *san fan wu fan* 三反五反.⁵ (Gerakan Tiga Jenis Penggulingan dan Lima Jenis Pemberontakan) Skrip asalnya telah dipinda sebanyak 12 kali kerana Lao She kurang puas hati tentang watak-wataknya yang pada pendapatnya hanya merupakan watak bersifat rata (flat) bertujuan menyampaikan mesej propaganda Parti Komunis dan pemahaman politik. Skrip Lao She yang seterusnya, drama *Qinnian tuji dui* juga mempunyai kelemahan yang sama.

⁵ Gerakan Tiga Jenis Penggulingan dan Lima Jenis Pemberontakan 三反五反 merupakan suatu gerakan yang telah dilancarkan dari bulan Februari 1951 sehingga 1953. Gerakan ini bertujuan mengguling pegawai tinggi Parti Komunis yang penuh korupsi serta golongan kapitalis yang terlibat dalam aktiviti ekonomi yang tidak jujur. Sila baca Theodore Chen, 1960, 51-56.

Pada musim luruh 1953, Lao She menyertai Rombongan Rakyat China Ketiga untuk mengunjungi Korea. Semangat perjuangan dan komitmen pasukan askar dari negara China amat mengharu perasaan Lao She. Lao She membuat keputusan untuk tinggal di Korea selama setengah tahun dan mendapatkan motivasi untuk penulisan. Ini merupakan kali pertama Lao She hidup bersama dengan sekumpulan pasukan tentera untuk jangka masa yang panjang. Pengalaman ini membuka mata Lao She terhadap satu aspek yang agak berlainan. Pemikiran, perangai dan etika askar telah memerangsangkan ilham Lao She, dan beliau berjaya menghasilkan sebuah novel yang berjudul *Wu ming gao di you le ming* 无名高地有了名 (Tanah yang Tidak Bernama Menjadi Terkenal).

Lawatan Lao She ke negara lain mendatangkan faedah kepada karier Lao She sebagai seorang penulis. Pada 11 Disember 1954, Lao She mengunjungi Rusia dengan Rombongan Wakil Penulis negara China. Dalam perlawatan ini beliau dapat bertemu dengan penulis-penulis terkenal seperti Ding Ling 丁玲 dan Zhou Yang 周扬. Selepas itu, Lao She mengetuai Rombongan Wakil Penulis negara China ke New Delhi, India pada 1956 untuk menghadiri Persidangan Penulis-penulis Asia. Pada bulan Januari 1957, beliau bersama dengan wakil-wakil negara China melawat ke Rusia sekali lagi untuk menyertai Perayaan Pemberontakan Ulang Tahun yang ke-40. Kesemua lawatan ini

memang membawa manfaat kepada Lao She kerana dapat memperangsang beliau supaya mencipta watak-watak yang lebih hidup dan benar.

Dua buah drama yang dihasilkan seterusnya menunjukkan ciri yang agak berlainan dengan drama beliau yang lain. Drama *Xi wang Chang'an*, yang diterbitkan pada tahun 1955, mendedahkan satu kes penipuan yang benar berlaku di kalangan pihak polis negara China. *Cha guan* yang dicipta pada bulan Julai 1957 menyampaikan secara tidak langsung rasa ketidakpuashatian Lao She terhadap keadaan politik di negara China. *Cha guan* merupakan drama Lao She yang paling terkenal dan paling kerap dipentaskan kerana semua watak yang terdapat didalam drama ini telah menunjukkan keperibadian yang signifikan dan dapat melambangkan realiti masyarakat. Drama ini juga merupakan hasil karya yang boleh dibanggakan dalam genre drama Cina.

Pada 1958, negara China mengalami suatu perubahan yang besar apabila kerajaan Komunis menganjurkan Kempen Lompatan Besar⁶ 大跃进 dengan tujuan membangunkan ekonomi negara di samping menyedarkan semangat sosialis rakyat. Berkenaan dengan kempen ini, Parti Komunis di peringkat pusat

⁶ Kempen Lompatan Besar adalah satu kempen yang bertujuan membangunkan ekonomi negara di samping membaharui aspek kebudayaan yang kolot. Kempen ini dapat memberi gambaran yang tepat betapa rakyat jelata menginginkan suatu perubahan pada ekonomi dan kebudayaan negara yang berada dalam keadaan yang mundur. Maklumat lebih lanjut sila baca Roderick MacFarquhar & John K. Fairbank, 1990: 315-328.

telah menentukan arah dan dasar pembangunan sosialis. Walaupun rakyat jelata menunjukkan semangat yang marak untuk mencapai kejayaan namun disebabkan rancangan yang tidak rapi dan kekurangan pengalaman dalam pembangunan masyarakat sosialis, serta sifat-sifat Mao Zedong dan rakan seperjuangannya yang angkuh, terlalu ingin mendapat hasil yang segera, kempen yang dianjurkan dengan tergesa-gesa ini akhirnya merupakan suatu kegagalan yang besar.⁷ (Li Yang 1993: 37)

Perubahan dalam masyarakat ini mencetuskan ilham Lao She untuk memuatkannya dalam drama berjudul *Hong da yuan*. Drama ini menggambarkan kesungguhan penghuni-penghuni (khususnya kaum wanita) yang tinggal di sebuah *da za yuan* dalam menyertai Kempen Lompatan Besar dan melibatkan diri dalam gerak kerja sosial. Watak-watak yang direka oleh Lao She bertujuan untuk memperlihatkan kecergasan rakyat golongan bawahan dalam menyahut propaganda sosialis tetapi disebabkan beliau lebih bercenderung ke aliran kiri dan terlalu menekankan propaganda sehingga jelas terlihat dalam drama ini penuh dengan ciri-ciri tidak rasional. Walau bagaimanapun, Lao She sedar akan fungsi kesusasteraan bukan hanya untuk tujuan politik. Drama *Nu dianyuan* dan *Quan jia fu* yang dihasilkan pada tahun 1959 dengan berlatarbelakangkan masyarakat

⁷ Kegagalan ini mengikut pendapat pakar-pakar, misalnya disebabkan oleh matlamat yang terlalu tinggi, arahan diberi tanpa mengenalpasti batasan-batasan luaran serta sikap suka membesar-besarkan kejayaan.

pada ketika itu telah menghidupkan cara penulisan yang berkesan, realiti hidup sekali kali digarap dalam kedua-dua drama ini melalui perwatakan yang sesuai.

Pada 1959, Lao She sekali lagi dilantik sebagai wakil rakyat, dan beliau tidak lagi begitu tertumpu pada penulisan drama tetapi lebih berkecenderungan kepada penulisan rencana sejarah, beliau telah menyiarkan rencana yang bertajuk “Gu wei jin yong” 古为今用 (Teladan Masa Lampau). Walau bagaimanapun, Lao She masih sanggup menyiapkan drama empat layar bertajuk *Shen quan* pada tahun 1960 untuk mengingatkan peristiwa pemberontakan Kumpulan Yihe 义和团. Watak-watak yang direka dalam drama ini dapat mencerminkan peristiwa lampau itu dengan berkesan.

Drama Lao She terakhir selepas penubuhan Republik Rakyat China ialah *Bao chuan*, sebuah drama kanak-kanak berdasarkan cerita rakyat. Drama ini dipentaskan pada 1962 di Teater Kesenian Kanak-kanak China dan mendapat sambutan yang hangat di kalangan kanak-kanak.

Kebanyakan karya Lao She antara tahun 50an hingga 60an dihasilkan demi keperluan rakyat jelata. Watak-watak yang direka memang dapat menggambarkan keadaan yang sebenar. Pada hujung tahun 1961, Lao She mula menulis autografinya yang bertajuk *Zheng hong qi xia* 正红旗下 (Di Bawah

Bendera Merah). Beliau sempat menyiapkan sebelas bab sebelum dipaksa berhenti menulis oleh pihak kerajaan. Pada ketika itu, dasar Parti Komunis menjadi semakin ketat dan agresif sehingga menyekat produktiviti penulisan Lao She.

Pada March 1963, Lao She menyertai suatu rombongan penulis negara China untuk melawat ke negara Jepun. Lao She berasa bertuah kerana dalam lawatan ini, beliau masih berpeluang untuk mengunjungi beberapa orang penulis Jepun yang terkemuka secara bersendirian. Selain itu, Lao She juga sempat berdialog dengan Kinoshita Junji, penulis Jepun yang terkemuka berkenaan dengan reformasi *jingju*. Ini jelas menunjukkan bahawa beliau masih berminat dalam genre drama.

Lawatan ke Jepun telah membolehkan beliau berkenalan dengan arena kesusasteraan Jepun dengan lebih teliti serta meluaskan pandangan beliau dalam arena penulisan. Jadi, selepas balik dari Jepun, Lao She pernah mengisahkan pengalaman beliau di Jepun dalam rencana beliau yang bertajuk “Zhi riben zuojia de gongkai xin” 致日本作家的公开信 (Surat kepada Penulis Jepun). Walau bagaimanapun, tiada akhbar yang menyiarkan tulisan beliau itu. Lao She sedar bahawa ini merupakan tanda isyarat bahawa karyanya telah melanggar dasar-dasar parti. Sebagai seorang penulis yang berpegang kepada kebenaran,

beliau merasa amat tertekan dengan situasi ini dan akhirnya beliau membuat keputusan supaya berhenti menulis. Hasil penulisannya beransur kurang dari 40 buah rencana pada tahun 1963, 10 buah rencana pada tahun 1964 dan sebuah rencana sahaja pada 1966.

Revolusi Kebudayaan⁸ 文化大革命 pada tahun 1966 telah mengubah nasib penulis yang pernah aktif dalam bidang kesusasteraan. Sejak pada tahun 1963, semua penulis yang berpengaruh yang “menyebelah kapitalis” telah dikenalpasti oleh pihak Parti Komunis, Lao She juga terdapat dalam senarai nama itu. (Shu 1986b: 178) Lao She pada ketika itu masih tidak menyedari bahawa nasib yang malang sedang menghampirinya. Pada bulan Julai 1966, Lao She bersama-sama dengan lebih kurang dua puluh orang sasterawan dan seniman yang lain ditahan dan dibawa ke sebuah halaman besar.

Dalam satu kejadian pembakaran buku-buku klasik yang dilakukan oleh para askar, Lao She merasa amat sedih dan memberitahu askar bahawa, “Semua

⁸ Revolusi Kebudayaan 文化大革命 merupakan suatu revolusi yang dipimpin oleh pemimpin tertinggi dalam Parti Komunis China. Revolusi ini berasaskan kepada ideologi dan teori sosialisme dan bertujuan mengguling golongan kapitalis dan cendekiawan yang anti sosialis secara habis-habisan. Revolusi ini merupakan gerakan politik yang melibatkan berjuta-juta rakyat negara China dan memakan masa yang panjang. Sejarahwan kini berpendapat bahawa revolusi ini adalah suatu kesilapan pemimpin komunis yang membawa kesengsaraan serta pergolakan kepada rakyat negara China. Sila baca Roderick MacFarquhar & John K. Fairbank, 1992, 115-219 dan Jin Chunming, 1995, bab 2 - bab 3.

ini adalah khazanah bangsa, jangan binasakannya. Kamu boleh bawa buku ini tetapi jangan dibakar.” (Song 1988: 403) Lao She melompat ke dalam longgokan buku yang membukit itu untuk menyelamatkannya. Tindakan Lao She dalam menyelamatkan buku sastra klasik ini dianggap oleh Parti Komunis sebagai anti reformasi. Beliau dipenjarakan dan dipukul sehingga berlumuran darah.

Pada hari yang berikutnya, Lao She dibenarkan pulang ke rumah, tetapi dia dikehendaki meronda di kawasan bandar dengan memakai tanda “Pengkhiatan Reformasi”. Bagi Lao She, tindakan ini seolah-olah telah merampas maruah beliau sebagai seorang sasterawan yang cinta akan bangsa dan negara. Beliau tetap percaya bahawa, “Rakyat negara China mengetahui saya! Parti dan Pengerusi Mao mengetahui saya!” (Shu 1986b: 264) Dengan perasaan yang kecewa terhadap nasib kaum sendiri dan negara yang dicintai, dan ketidakinginan dirinya di seksa oleh golongan yang tidak bertanggungjawab, beliau membuat keputusan untuk menamatkan nyawa sendiri. Tindakan ini boleh dianggap sebagai tindakan Lao She bagi melafazkan perasaan ketidakupayaannya dalam menyelamatkan keadaan yang dialami oleh negara. Lao She akhirnya terjun ke dalam Tasik Taiping 太平湖 dan menjadi mangsa yang paling awal dalam “bencana” Revolusi Kebudayaan negara China.

2.2 Dasar Penulisan

Gaya penulisan, pemilihan tema, teknik perwatakan setiap penulis adalah agak berbeza antara satu sama lain. Ini adalah sebab kesemua ini berkait rapat dengan keperibadian dan kepercayaan penulis terhadap fungsi kesusasteraan. Di samping faktor-faktor dalaman tersebut, faktor luaran tertentu, termasuk pengalaman dan persekitaran kehidupan juga akan mempengaruhi penulisan seseorang penulis. Perbincangan dalam bahagian ini akan tertumpu pada faktor dalaman dan faktor luaran yang mempengaruhi penulisan Lao She. Personaliti Lao She yang serius, sikap pesimistik dan juga prihatin konsep tragedi merupakan faktor dalaman. Faktor luaran pula termasuk pengalaman hidup dan persekitaran yang mempengaruhi Lao She dalam usaha membentuk watak dalam karya beliau.

(a) Faktor Dalaman

Lao She merupakan seorang yang serius dan pesimistik. Kesemua sifat ini mempunyai kaitan rapat dengan latar belakang hidupnya. Seperti yang dikatakan dalam bahagian biografi, Lao She dibesarkan di kawasan setingan di pinggir bandar Beijing. Beliau mengalami segala kepahitan hidup sejak kecil lagi. Beliau masih teringat “saya adalah seorang budak yang pendiam serta sentiasa muram. Saya selalu bimbang akan kekurangan makan dan minum.” (Zeng, Wu

1985: 648) Penderitaan pada awal hidup telah membentuk perasaan muram dalam hatinya. Beliau juga bersetuju bahawa perangai beliau berkait rapat dengan keadaan keluarganya. Pada usia tujuh belas atau lapan belas beliau suka termenung bersendirian. Perasaan pesimistik bertunas dan berakar apabila beliau berusia antara umur lapan belas sehingga umur dua puluh lima dan telah menentukan peribadi beliau sebagai seorang pesimis.

Penulisan Lao She selalu disebutkan dengan ciri kelucuan. Ini membolehkan karyanya menjadi lebih realistik dan dinamik sebab dengan memasukkan unsur kelucuan. Lao She dapat mengolah perkara yang remeh temeh supaya menjadi lebih menarik dan lebih bermakna. Beliau pernah berkata bahawa kelucuan merupakan alat bagi beliau melukis watak-wataknya dengan lebih jelas dan lebih hidup. (1982d: 69-74) Beliau juga menggunakan unsur kelucuan untuk menggambarkan kehidupan golongan bawahan yang pahit. Namun, melalui unsur kelucuan dalam drama, tersirat kesedihan yang dapat dirasai oleh pembaca. Seorang sarjana berpendapat bahawa “kelucuan Lao She membawa kepahitan serta kesengitan. Di sebalik muka yang tertawa, terkandung kepahitan dan kehangatan air mata.” (Xie 1994: 167) Sarjana yang lain berpendapat bahawa kelucuan dalam drama Lao She mengandungi “kesedaran tragedi” (*beiju yishi* 悲剧意识). (Hong, Ke 1993: 249)

Di samping personaliti yang serius dan pesimistik, Lao She juga mempunyai “kecenderungan tragedi” (*beiju qingxiang* 悲剧倾向). Kecenderungan tragedi ini mula bertunas sejak Lao She kecil lagi. Sifat ini tersemai melalui pendedahan kehidupan beliau di tempat kediaman dalam sebuah *da za yuan*, suatu tempat kediaman orang miskin. Di sana Lao She meneliti dengan mata sendiri kesedihan dan keseksaan golongan bawahan dalam kehidupan seharian mereka.

Pada zaman remaja Lao She, negara China berada dalam keadaan huru hara. Selepas Peperangan Candu⁹ 鸦片战争, masyarakat China berada dalam keadaan quasi-feudalisme dan neo-kolonisme. Rakyat menjadi semakin miskin dan menderita di bawah pemerintahan yang kolot dan tidak adil. Pada tahun 1919, tercetuslah Gerakan Mei 4 yang diibaratkan sebagai arus jernih yang cuba menghanyutkan kelodak kotor dalam sistem lama. Gerakan Mei 4 ini telah membuka fikiran serta memberi suatu semangat baru kepada Lao She dan juga menimbulkan kesedaran beliau terhadap masalah utama yang dihadapi negara China. Beliau sedar bahawa manusia harus mempunyai maruah dan tidak harus

⁹ Peperangan Candu 鸦片战争- Suatu peperangan di negara China yang berlaku antara 1840-1842 akibat pengharaman ke atas perdagangan candu saudagar Britain oleh Kerajaan Dinasti Qing. Peperangan ini berakhir dengan Perjanjian Nanjing yang menjadikan negara China sebuah negara ‘Neo Kolonial’.

menjadi abdi terutama kepada peraturan adat dan negara barat. Kepercayaan ini telah menjadi dasar pemikiran beliau dalam penulisan kemudian harinya. (Hu 1980: 13)

Lao She juga percaya bahawa tragedi tidak dapat dipisahkan daripada kehidupan golongan bawahan. Atas sebab ini, beliau selalu mereka-cipta watak yang kurang bernasib baik bagi menggambarkan kehidupan yang sebenarnya.

Kesedaran tragedi bertambah kuat dan berakar di sanubari Lao She melalui pembacaan karya kesusasteraan barat ketika beliau belajar di England. Pada ketika itu, beliau banyak membaca karya kesusasteraan dunia barat termasuk drama tragedi Greek. Lao She amat tertarik terhadap konflik antara perasaan rasional dan perasaan naluri orang Greek seperti yang dipamerkan dalam tragedi Greek. Boleh dikatakan minat Lao She terhadap drama bermula dengan membaca drama Greek. Atas fahaman beliau terhadap konflik tersebut, Lao She mula berminat dalam menulis skrip drama yang dapat memuatkan konflik yang lebih banyak bagi menonjolkan sesuatu tema atau pemikiran selain daripada novel. Lao She amat tertarik oleh Aristotle. Beliau memuatkan definisi Aristotle terhadap drama dalam nota kuliah yang beliau gunakan dalam pengajaran bertajuk *Wenxue gailun jiangyi* 文学概论讲义 (Nota Kuliah Pengenalan Kesusasteraan):

Drama adalah sesuatu imitasi pergerakan, rekaan terhadap hidup yang dinamik. Drama juga merupakan manifestasi keperibadian penulis, sama ada serius atau seronok. Drama dapat menunjukkan kelakuan manusia yang mulia dan juga manusia yang hina. Yang meniru kelakuan manusia yang mulia adalah drama bersifat tragedi manakala yang meniru manusia yang hina itu adalah drama bersifat komedi... Matlamat utama drama tragedi adalah untuk menimbulkan perasaan simpati dan gelisah di kalangan penonton dan akhirnya melegakan perasaan mereka. (Shu 1984 : 156-157)

Jelasnya penangsiran Lao She terhadap tragedi dan komedi pada dasarnya adalah diilham oleh penerangan Aristotle. Lao She juga tertarik oleh seorang penulis negara China yang menerokai aliran sastera baru iaitu Lu Xun. Lu Xun menggalakkan penulis supaya mencipta karya bersifat tragedi dengan “meneliti kehidupan secara berani dan mengukir watak yang hidup serta berdarah daging.” (1983: 90) Dengan kata lain, Lu Xun menyeru para penulis dengan sedaya upaya membongkar kehidupan yang sebenarnya dalam masyarakat. Hampir kesemua watak dalam karya Lu Xun ditimpa pelbagai penderitaan. Mereka hidup menderita dan mati dalam keseksaan. Dengan ini Lu Xun dapat menggambarkan penderitaan rakyat negara China pada ketika itu. Konsep terhadap tragedi yang Lu Xun ingin tonjolkan adalah “menunjukkan musnahnya ciri-ciri yang bernilai dalam kehidupan kepada pembaca”. (1983: 59) Beliau kurang senang dengan sastera klasik Cina yang sentiasa mengakhiri kisah mereka dengan pengakhiran

yang gembira dan sempurna (happy ending) kerana tidak dapat menggambarkan keadaan realiti.

Lao She terpengaruh oleh konsep kesenian tragedi Lu Xun. Drama Lao She berlainan dengan tragedi klasik. Ia membayangkan satu konsep kesenian tragedi yang tersendiri yang menggabungkan kedua-dua teori tragedi klasik dan tragedi moden. Tragedi, dalam fahaman beliau ialah berasal daripada konflik antara watak dengan persekitaran/zaman, atau percanggahan kehendak dengan keperibadian sesama manusia. Sebagai contoh, watak Makcik Wang dalam *Longxu gou* ialah contoh seorang individu yang tidak dapat menyesuaikan diri dengan persekitaran baru. Makcik Wang sentiasa melihat dan mengintepretasi perkara-perkara baru dengan persepsinya yang tertinggal zaman, dan ini telah menjadikannya mengalami keadaan pengasingan dalam zaman baru. Drama Lao She dikatakan sinis dan bernada sedih. Di samping itu juga banyak mengandungi kesedaran tragedi serta kritikan sosial yang beliau sepadukan dengan erat.

Setelah negara China diperintah oleh Parti Komunis China, kerajaan baru ini tidak menggalakkan karya kesusasteraan yang berbentuk tragedi, kerana karya sebegini dianggap pesimistik dan akan melemahkan semangat rakyat jelata. (Lao She 1981: 80) Namun, Lao She tetap berpegang teguh pada pendapat dan cara penulisan yang berkecenderungan terhadap unsur tragedi kerana menurut beliau,

drama bersifat tragedi berkeupayaan mendidik orang ramai. Tambahan lagi, beliau mengadu bahawa masyarakat baru juga banyak terdapat perkara dan kisah yang menyedihkan. (1981: 80) Beliau berpendapat rakyat jelata masih perlu menghadapi konflik yang berlaku dalam keadaan persekitaran yang rumit dan masih banyak antara mereka yang menganggap diri mereka ditimpa nasib malang. Sebagai contoh, dalam drama *Cha guan*, beliau telah cuba menonjolkan tema “Orang baik selalunya tidak dapat hidup bahagia dengan panjang.” “Orang baik mengalami penderitaan yang bagaikan jatuh ditimpa tangga. Mereka senantiasa dalam kehampaan dalam hidup.” (Zeng, Wu 1985: 953)

Lao She menulis berdasarkan persepsi golongan bawahan, atas sifat beliau yang “benci akan hipokrat, kecurangan dan perbuatan jahat, tetapi bersimpati akan golongan yang tidak berkuasa, teraniaya dan menderita.” (1982d: 264) Beliau cuba mendedahkan keadaan masyarakat secara mendalam bagi menyedarkan rakyat negara China akan kedudukan mereka sendiri dan seterusnya menerokai suatu masa depan yang lebih cemerlang. Melalui cara ini Lao She harap golongan yang tertindas akan mempunyai keupayaan memerangi kuasa jahat.

Dalam rencana Lao She yang bertajuk “Lun Beiju” 论悲剧 (Perbincangan Tentang Tragedi) yang beliau tulis selepas pemerintahan Parti

Komunis China, beliau menghuraikan dengan jelas fahaman dan dasar kesusasteraan dirinya. Menurut beliau, drama yang berjaya tidak dapat dipisahkan daripada kehidupan sebenar, manakala kehidupan yang sebenarnya adalah penuh dengan penderitaan. Beliau menambahkan lagi “drama yang paling tua di dunia pun selalunya mengesahkan bagaimana manusia dipermainkan oleh nasib”. (1981: 78) Jadi, walaupun kehendak sosial pada ketika itu menafikan unsur tragedi dalam karya kesusasteraan dan menggalakkan karya sastera berfungsi untuk membangkitkan semangat patriotisme, namun, konsep tragedi tetap diaplikasi dalam drama Lao She.

Atas kepercayaan Lao She dan juga pegangan beliau pada prinsip “realiti yang didedahkan oleh sastera haruslah realiti kehidupan manusia” (1982a: 84), beliau telah menjadikan fahaman tragedi sebagai dasar penulिसannya dalam sepanjang hayat beliau. Dasar ini juga menjadi dasar yang penting dalam pembentukan watak-watak dramanya. Lao She dianggap penulis yang agung kerana selain daripada mengambil sikap serius dan mempunyai pendirian teguh, beliau juga mengambil berat tentang nasib manusia.

Sifat patriotisme merupakan satu lagi unsur penting karya Lao She. Walaupun semangat patriotisme dan ketulusan perangai tersembunyi di dalam keperibadian beliau tetapi kurang mendapat perhatian orang ramai. Sifat-sifat ini

tertonjol apabila teretusnya perang Sino-Jepun. Beliau sanggup meninggalkan isteri dan keluarganya demi mempertahankan maruah diri serta mengejar ideologinya. Beliau telah menjayakan kesusasteraan anti-Jepun. Sanjungan orang ramai terhadap usaha beliau jelas menunjukkan bahawa semangat beliau yang mencintai bangsa dan negara adalah jauh lebih jujur dan lebih kuat berbanding dengan penulis-penulis yang lain. Percakapan di bawah dapat melambangkan semangat patriotik Lao She:

Drama serta jiwa Lao She adalah penuh dengan kedegilan, kecekalan serta tidak pernah bertolak ansur dengan kuasa jahat. Beliau mempunyai rasa tanggung jawab untuk menimbulkan kesedaran terhadap keadilan dan pembentukan moral di kalangan miskin. Walaupun rasa tanggung jawab ini adalah berdasarkan semangat patriotisme terhadap bangsa, tetapi juga merupakan kualiti yang terdapat pada Lao She sepanjang hayatnya. (Hong, Ke 1993: 3)

(b) Faktor Luaran

Karya sastera merupakan ciptaan penulis yang dihasilkan melalui persepsi mereka yang subjektif terhadap dunia luar yang objektif. Ahli psikologi berpendapat bahawa keseluruhan pengalaman hidup seseorang yang lepas, iaitu sejak hari pertama dia dilahirkan, akan bersama-sama dengannya untuk sepanjang

hidupnya. Pengalaman lalu mungkin hilang dalam ingatan, tetapi sebenarnya telah kukuh dalam ingatan tanpa sedar. Ingatan tanpa sedar ini akan selalu wujud semula dalam karya penulis melalui pelbagai cara. Jadi, sesuatu karya tidak mungkin dihasilkan tanpa dipengaruhi oleh pengalaman hidup sebenar.

Faktor pengalaman hidup yang mempengaruhi Lao She dapat dibahagikan kepada ingatan masa lampau serta perubahan yang berlaku dalam masyarakat semasa.

Kebanyakan karya Lao She adalah berasaskan pengalaman beliau yang lepas. Pengalaman berkaitan dengan tempat lahir, keluarga serta zaman kanak-kanak dan remaja telah digunakan sebagai latar belakang dalam karya beliau. Lao She sendiri mengakui bahawa drama *Shen quan* telah digunakan sebagai saluran bagi beliau meluahkan perasaan tidak puas hati terhadap pengalaman pahit masa kecil beliau. Lao She menggabungkan pengalaman pahit semasa kecil dengan kejadian pemberontakan Kumpulan Yihe dan pencerobohan Angkatan Tentera Gabungan Lapan Negeri dalam drama ini. (1982d: 83) Watak-watak dalam drama ini, terutama watak wanita yang direka, tidak dapat dipisahkan daripada wanita yang telah banyak mempengaruhi beliau sejak masa kecil.

Tokoh wanita yang paling banyak mempengaruhi Lao She ialah ibu beliau, Puan Ma. Lao She kematian ayah sejak kecil lagi dan ibunya terpaksa menanggung kehidupan sekeluarga. Ibu beliau bukan sahaja rajin, bertatasusila, berani tetapi juga suka membantu orang lain. Ibu beliau dianggap memiliki segala sifat yang baik dari segi akhlak mengikut penaksiran tradisional. Bawah asuhan Puan Ma, dua orang kakak Lao She dibesarkan untuk menjadi wanita yang bertatasusila lagi mempunyai sifat bersabar. Lao She mengakui bahawa keperibadiannya banyak dipengaruhi oleh ibu beliau yang memberikannya bimbingan dan tunjuk ajar tentang makna hidup dan haluan yang patut ditujui. (Zeng, Wu 1985: 524) Bayangan ibu beliau yang bersifat mulia dapat dikesan melalui watak-watak wanita dalam karya beliau. Pemahaman beliau terhadap kepahitan hidup yang dialami kaum wanita dalam karyanya juga berasaskan pengalaman sebenar diri beliau. Ketika mengenang kehidupan silam, beliau selalu berkata, "Saya kematian ayah ketika dengan jelas kesusahan dan penderitaan emak dan kakak saya." (1982: 189)

Persepsi dan harapan Lao She terhadap kaum wanita adalah berdasarkan sifat dan peribadi golongan yang berupaya menguruskan segala dalam kehidupan mereka atas usaha sendiri. Menurut beliau:

Saya juga beranggapan bahawa wanita haruslah pandai mengurus dan mengendalikan perkara yang remeh-temeh. Saya pandang rendah terhadap wanita yang tidak pandai menguruskan hal-hal rumahtangga, walaupun dia mempunyai pendidikan dan berfikiran matang. (1987: 259-260)

Selain daripada diilhamkan oleh wanita yang hidup di sekitarnya sebagai dasar apabila menulis, Lao She, tanpa sedar, juga menggambarkan dirinya dalam drama. Seperti yang tercatat dalam bahagian biografi, ketika masa remaja, Lao She pernah jatuh cinta pada anak perempuan Liu Shoujing. Akan tetapi, Cik Liu berasal dari keluarga kaya. Perbezaan taraf sosial dan latar belakang keluarga yang terlalu berjurang telah memaksa Lao She memendamkan perasaan cinta dan tanpa diketahui Cik Liu. Percintaan Lao She berakhir selepas beliau pergi ke England dan Cik Liu akhirnya menjadi seorang biara atas permintaan ayahnya. Percintaan yang tidak berhasil ini memberi kesan yang hebat kepada Lao She. Kekecewaan beliau masih dapat dikesan melalui cara beliau menilai percintaan kaum wanita dalam karyanya. Watak-watak wanita dalam karyanya banyak menghadapi cinta kasih yang tidak berhasil.

Perubahan persepsi nilai Lao She terhadap fungsi sastera boleh dikatakan adalah faktor luaran yang paling penting dalam mendorong Lao She beralih

daripada menulis novel kepada drama. Lao She pernah menghasilkan sebuah rencana "Shu zhi" 述志 (Azam) untuk menerangkan sebabnya :

Saya tidak pandai menggunakan senapang, saya tidak pandai mengarahkan pasukan tentera. Demi membalas dendam musuh, saya hanya mempunyai satu cara iaitu dengan pena saya. (Sun 1992 : 20)

Semangat patriotisme telah menyeru beliau berbuat demikian supaya dapat menyumbangkan sesuatu untuk menyelamatkan tanah air daripada jatuh kepada tangan musuh. Lao She yakin drama mempunyai kesan yang lebih kuat untuk menaikkan semangat anti-Jepun di kalangan rakyat jelata. Lao She mengatakan dengan selanjutnya

saya tidak pernah menulis karya yang bukan bertemakan anti-Jepun. Saya ingin membalas dendam, saya ingin membalas dendam untuk seluruh bangsaku. Saya berharap agar hasil tulisan saya menunjukkan kesan yang dapat merangsangkan rakyat jelata untuk memerangi musuh. (Sun 1992 : 20)

Pengalihan Lao She daripada menulis novel kepada menulis drama sejajar dengan pendirian sastrera Luxun, iaitu "bersastrera mengikut kehendak sosial". Semangat patriotisme Lao She terus bersemarak selepas negara China diperintah

oleh Parti Komunis China. Beliau melaung-laungkan, “saya amat cinta kepada masyarakat baru ini!” (Hu 1980: 478) Beliau juga berkeinginan untuk memuji perkara dan tokoh yang baru. Kejayaan kesusasteraan anti-Jepun melalui drama menggalakkan Lao She sekali lagi memilih drama sebagai bentuk penulisan bagi memuji kemajuan dan pembangunan Republik Rakyat China. Lao She juga tertarik oleh peraturan yang membebaskan kaum wanita negara China daripada kongkongan adat tradisional. Beliau berasa terharu kerana kaum wanita bukan lagi dipandang sebagai barang mainan. Apabila para pelacur juga diselamatkan daripada rumah pelacur dan mereka sanggup mulakan hidup baru, ini telah mencetuskan keinginan Lao She dalam menggambarkan watak wanita dengan lebih banyak supaya membayangkan perubahan zaman yang mendadak.

Faktor dalaman dan luaran telah mempengaruhi Lao She dalam memperlukiskan watak beliau. Jelas sekali, kejayaan Lao She dalam karya drama bukan suatu perkara yang berlaku secara kebetulan, tetapi adalah hasil daripada gabungan kedua-dua faktor ini.

2.3 Kaedah Penulisan

Sastera merupakan gambaran kehidupan. Oleh sebab itu, penulis seharusnya memahami pengertian hidup yang sebenarnya. Seseorang penulis

seharusnya mempunyai perhubungan yang rapat dengan kehidupan sosial orang ramai, mempunyai nadi dan nafas yang sama seperti orang ramai, barulah beliau dapat menghasilkan karya yang menarik dan dapat menghalusi jiwa pembaca. Lao She pernah membincang tentang cara penulisan. Beliau berpendapat bahawa, “selain daripada membaca dengan meluas, seorang penulis seharusnya memahami kehidupan bermasyarakat.” (Zeng, Wu 1985 : 493) Lao She seterusnya menegaskan bahawa, “Saya tidak pernah meniru gaya atau mengikut mana-mana satu aliran penulisan. Saya menulis dengan cara saya sendiri.” (Zeng, Wu 1985: 493) Atas sebab ini, karya drama Lao She mempunyai gaya penulisan yang tersendiri.

Dalam proses penulisan, Lao She memberikan perhatian yang teliti pada perwatakan. Seperti yang dikatakan beliau dalam rencananya “Wo de jingyan” 我的经验 (Pengalaman Saya), beliau akan memikirkan wataknya yang akan dilukis terlebih dahulu dan beliau hanya akan mula menulis jika watak-watak telah sempurna dibentuk dalam otaknya. Beliau mengata:

...penulis seharusnya mengetahui secara menyeluruh tentang wataknya, barulah dia dapat menghidupkan watak-watak itu melalui pertuturan yang padat... (Ke, Li 1982: 225)

Drama adalah sastra yang bergantung kepada pergerakan watak dan perbualan antara watak bagi memperkembangkan plot dan menyampaikan tema. Lao She tahu bahawa watak merupakan teras dalam drama. Oleh itu beliau menegaskan bahawa penulis seharusnya mencintai dan memahami kehidupan orang ramai dalam pelbagai lapisan masyarakat supaya watak yang dihasilkan adalah hidup. Lao She dapat menghasilkan drama *Fang Zhenzhu* dengan berjaya kerana beliau sudah mengetahui secara menyeluruh tentang kehidupan penglipur lara. Beliau memang mempunyai kawan yang menceburkan diri dalam seni penglipur lara dan mempunyai hubungan yang rapat dengan mereka. Watak-watak wanita yang muncul dalam *Longxu gou* juga adalah watak-watak yang sudah Lao She biasa sejak kecil lagi.

Walaupun ibu dan kekasih pertama Lao She sering dijadikan model watak wanita, ini tidak bermaksud beliau hanya melukis watak yang wujud dalam realiti sahaja. Lao She menerangkan:

Jika saya menulis autografi pun, apa yang saya tuliskan itu bukan keseluruhan kehidupan saya. Saya akan memilih cebisan kehidupan saya yang bermakna. Sastra bukannya untuk merekod kehidupan. (1982d : 321)

Bagi Beliau, selain berdasarkan realiti, sastera juga tidak harus kekurangan unsur kreatif:

Sastera merupakan proses mencipta dan bukan membuat catatan. Penulis perlu mempunyai pandangan yang luas dan jauh. Disamping itu, Penulis harus memberi gambaran secara menyeluruh dan bukannya melukis perkara-perkara yang remeh-temeh semata-mata. (Ke, Li 1982 : 304)

Sesebuah skrip drama mempunyai dua identiti. Ia adalah hasil sastera yang boleh dibaca tetapi pada masa yang sama ia mesti sesuai untuk dipentaskan. Oleh sebab itu, dalam proses menyiapkan sesuatu skrip, seseorang penulis drama harus mempunyai pemahaman tentang seni pementasan. Lao She memang memberi pertimbangan yang wajar kepada kedua-dua aspek ini dalam proses penulisan drama. Beliau pernah berkata: “bakat seorang penulis drama bukan sahaja terhad kepada pemahamannya terhadap hidup dan seni, tetapi dia juga mesti memahami selok-belok pementasan.” (Shu 1984:157) Kebanyakan skrip drama Lao She pernah dipentaskan.

Dalam proses penulisan, seseorang penulis harus mahir dalam kerja menyunting dan memilih bahan yang sesuai daripada bahan aslinya. Wellek & Warren berpendapat bahawa “sasterawan adalah pakar membuat fikiran

berkaitan, hakim pemilihan dan pakar mengkombinasi bahan.” (Wellek, Rene & Warren, Austin 1970: 85) Kenyataan ini telah menegaskan bahawa sasterawan bukannya pencatat yang objektif dalam kehidupan realiti seharian sahaja, mereka juga adalah tukang proses seni yang subjektif. Isi kandungan karya sastera boleh berdasarkan kehidupan sebenar yang bersifat objektif tetapi ia juga mengandungi pendapat dan penilaian penulis yang subjektif terhadap kehidupan. Lao She memang bersetujui dengan pendapat tersebut.

Lao She pernah menegaskan bahawa “Manusia dan kejadian-kejadian dalam kehidupan hanya menjadi bahan rujukan kita...” (1984: 116-117) dan bersetuju bahawa merekod kehidupan tanpa menggunakan teknik olahan yang sesuai adalah tidak munasabah.

Drama Lao She memang menunjukkan bahawa beliau mengambil berat kualiti karya. Selain soal kreativiti dan realiti, Lao She juga mengambil berat nilai format. Beliau berpendapat struktur sesebuah karya juga perlu diberi perhatian. Beliau juga berpendapat bahawa seseorang dramatis harus menggambarkan ciri-ciri zaman dan seterusnya mempamerkan suatu ideologi atau isu di hadapan penonton dengan teknik yang baik.

Ketika membincangkan *Longxu gou*, beliau menerangkan bahawa,

Drama ini bukan semata-mata merupakan satu penyelidikan tentang masalah sosial yang dihadapi oleh penghuni-penghuni kawasan setingan Parit Longxu tetapi ianya adalah sebuah karya sastera. Jadi, watak-wataknya mesti mempunyai tanggungjawab sastera. (1981 : 169)

Kenyataan yang dibuat oleh Lao She itu memperkuat lagi keistimewaan prinsip kaedah sastera Lao She, iaitu mengejar realiti tanpa menjejaskan kesenian sastera. Ini juga merupakan teras kaedah penulisan drama Lao She. Oleh itu, kita tidak seharusnya mengkaji watak-watak dan kejadian-kejadian dalam drama Lao She sebagai suatu replica realiti dalam kehidupan yang sebenar tetapi harus mengetahui dengan tepat tujuan dan pendirian penulis. Dengan ini, gambaran kehidupan yang ditonjolkan oleh Lao She dapat diasingkan dengan kehidupan yang sebenar.